

NO. SOALAN: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]

TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung lesen pengangkutan awam negeri sebagai langkah mengurangkan kesesakan di negeri ini. Adakah Kerajaan Pusat bersedia menjalankan projek LRT dan MRT sebagaimana dijanjikan. Sekiranya ditolak, apa sebabnya.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa perundangan berkenaan pengangkutan awam secara amnya adalah di bawah Perkara 10, Senarai 1 Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan ("Senarai Persekutuan").
2. Perkara 10(e) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa perundangan kepada Kerajaan Persekutuan dan bukannya Kerajaan Negeri untuk membuat undang-undang bagi tujuan pengangkutan penumpang darat.
3. Oleh yang demikian, kuasa berkenaan pengeluaran lesen bas di mana-mana negeri yang mana tertakluk di bawah undang-undang pengangkutan penumpang darat di Semenanjung Malaysia adalah di bawah kuasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang merupakan agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan bukannya pihak berkuasa tempatan.
4. Mana-mana operator bas henti-henti yang berhasrat untuk beroperasi di sesuatu kawasan atau laluan boleh memohon secara terus dengan SPAD.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
(HULU RAJANG)**

TARIKH : 15.06.2015 (ISNIN)

SOALAN : 62

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan apakah usaha yang sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi menyiapkan jalan akses ke Empangan Hidroelektrik Baleh. Jalan ini merupakan perhubungan darat yang sangat penting bagi menggantikan jalan air iaitu Batang Baleh yang digunakan selama ini.

JAWAPAN :

Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek membina jalan akses ke Empangan Hirdoelektrik Baleh merupakan projek Kerajaan Negeri di bawah *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE) dan bukan dibawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Walau bagaimanapun, pada masa ini pihak Kementerian sedang melaksanakan Projek Jalan dari Jambatan Batang Baleh ke Jalan Rimbunan Hijau, Kapit Sarawak. Sehingga kini kerja-kerja awalan seperti kerja pembersihan tapak sedang giat dilaksanakan. Adalah dijangkakan projek ini akan disiapkan pada Januari 2016.